

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

## Sampel tertunggak punca kes harian tinggi

**Kuching:** Sampel tertunggak menyebabkan bilangan jangkitan harian di Sarawak meningkat mendadak, sejak lebih seminggu lalu.

Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr Mohamed Sopian Mohamed, berkata bilangan sampel yang tinggi itu membebankan kapasiti makmal sedia ada.

Katanya, ini sekali gus memanjangkan tempoh untuk memperoleh keputusan ujian walaupun sampel dihantar ke makmal luar.

"Ini mengakibatkan banyak sampel yang tertunggak sehingga lima hari. Walaupun terdapat tunggakan masa dalam memperoleh keputusan, semua kontak yang berisiko telah diberi 'Home Surveillance Order' (HSO) bagi mengelakkan penyebaran dalam komuniti," katanya.

Dr Mohamed Sopian berkata, kadar positif di Sarawak ialah 18.8 peratus dan kadar itu meningkat dari purata 14.5 peratus.

"Ini menunjukkan kejadian penularan wabak sudah berlaku secara meluas dalam komuniti.

"Peningkatan kes harian menyebabkan peningkatan aktiviti pengesanan aktif kontak kepada kes di semua bahagian di Sarawak, terutamanya di lokaliti yang mempunyai kluster aktif," katanya.

Dr Mohamed Sopian berkata, walaupun peningkatan dengan angka lebih 3,000 sehari direkodkan sejak lapan hari lalu, kira-kira 99 peratus kes berada pada tahap Kategori 1, iaitu tiada gejala dan Kategori 2, iaitu mempunyai gejala ringan.

# Kes baharu mula menurun

## 16,073 jangkitan direkod semalam, 24,813 pesakit sembuh

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kes COVID-19 di negara ini menunjukkan perkembangan positif selepas jangkitan baharu menurun kepada 16,073 kes, manakala 24,813 pesakit sembuh, semalam.

Jumlah terkumpul pesakit pu-

lih ialah 1,746,526 orang.

Pada masa sama, ada 1,312 pesakit masih ditempatkan di unit rawatan rapi (ICU) dan 698 pesakit memerlukan bantuan pernafasan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pertambahan kes baharu menjadikan jumlah keseluruhan individu yang dijangkiti virus berkenaan kini menghampiri dua juta iaitu 1,995,771 kes.

Katanya, tujuh negeri mencatatkan pertambahan kes empat angka dengan Sarawak kekal menjadi negeri tertinggi melaporkan kes COVID-19 iaitu sebanyak 3,522 kes.

Selain itu, beliau berkata, Johor merekodkan 2,030 Kes baharu, Selangor (1,947), Sabah (1,649),

**Pertambahan kes baharu menjadikan jumlah keseluruhan individu yang dijangkiti virus berkenaan kini menghampiri dua juta iaitu 1,995,771 kes**

**Dr Noor Hisham Abdullah,**  
Ketua Pengarah Kesihatan



Pulau Pinang (1,243), Kedah (1,191), Kelantan (1,070), Perak (1,011), Pahang (878) dan Terengganu (704).

Katanya, ini disusuli dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (398), Melaka (206), Negeri Sembilan (156), Perlis (41), Putrajaya (16) dan Labuan (11).

"Sebanyak 32 kluster baharu direkodkan dengan 16 daripadanya berkaitan dengan tempat kerja.

"Jumlah kluster yang sudah tamat ialah 3,709, manakala 1,444 kluster masih aktif," katanya semalam.

Dr Noor Hisham berkata, dari segi penggunaan katil semalam, tahap pengisian katil bukan ICU ialah 75 peratus, manakala penggunaan katil ICU kira-kira 83 peratus.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

## 4 menteri bincang prosedur menuju ke fasa endemik

**Kuala Lumpur:** Empat menteri yang ditugaskan untuk memperincikan langkah penyesuaian dan kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) membendung penularan COVID-19 ketika negara menuju ke fasa endemik, dijadual bermesyuarat hari ini.

Perbincangan julung kali mengetengahkan empat agenda utama, termasuk tindakan inklusif seperti diarah Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob itu akan dipengerusikan Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Tiga menteri lain yang menyertai mesyuarat adalah Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar; Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dan Menteri Komuni-

kasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa.

Hishammuddin berkata, mesyuarat itu akan meneliti keputusan kelonggaran diumumkan kepada orang ramai sebelum ini serta kaedah SOP sedia ada dapat dipermudahkan dan difahami semua lapisan masyarakat.

"Ia memerlukan input daripada empat menteri berkenaan.

"Annuar akan membantu memaklumkan kepada orang ramai menerusi platform sedia ada supaya masyarakat memahami dengan lebih jelas," katanya pada sidang media, di sini semalam.

Beliau berkata, mesyuarat itu juga akan meneliti dan memperhalusi kelonggaran dipersetujui sebelum ini, sebelum sebarang keputusan mengenainya di-

umumkan kepada orang ramai.

"Berhubung perjalanan rentas negeri, sektor tertentu telah pun secara prinsip mendapat (perseetujuan) oleh sidang khas (MKN) dengan syarat empat menteri ini memperincikannya sebelum diumumkan kepada orang ramai.

"Ia juga melihat sektor tertentu contohnya *travel and tourism bubble* (gelembung perjalanan dan pelancongan), di mana semua maklum kita sudah buka Langkawi sebagai projek rintis dan boleh diperluas jika berjalan lancar, selamat serta memenuhi SOP ditetapkan.

"Kalau ada sektor lagi perlu difikirkan, ia boleh diperluas kepada sektor lain.

"Agenda keempat ialah hasrat naratif menjelang hujung Okto-

Mesyuarat akan meneliti keputusan kelonggaran diumumkan kepada orang ramai sebelum ini serta kaedah SOP sedia ada dapat dipermudahkan dan difahami semua lapisan masyarakat

**Hishammuddin Hussein,**  
Menteri Kanan  
Pertahanan



ber ini untuk melihat pandemik dalam konteks endemik, bagaimana kita boleh cari jalan untuk hidup bersama COVID-19 dengan rasionalnya mesti dibincangkan dari sekarang," katanya.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : COVID-19



KAKITANGAN Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Utara dibantu anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) menguruskan jenazah Covid-19 di Tanah Perkuburan Islam Lahar Yood, Tasek Gelugor, Kelantan.



KAKITANGAN Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Utara menyahkumkan peralatan selepas menguruskan jenazah Covid-19.

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
am@hmetro.com.my

## KES KEMATIAN MENURUN

Hanya purata 99 kes di seluruh negara dilaporkan dalam tempoh 24 jam kelmarin

### Putrajaya

Kes kematian akibat Covid-19 di negara ini menunjukkan trend penurunan dengan 99 kes dilaporkan dalam tempoh 24 jam kelmarin.

Jumlah itu adalah purata kematian pesakit Covid-19 dalam tempoh tujuh hari terakhir sehingga kelmarin berdasarkan tarikh kematian sebenar.

Menurut data yang dikongsi di laman web COVIDNOW, terdapat 193 kes kematian tertunggak atau backlog turut dilaporkan kelmarin menjadikan jumlah keseluruhan individu yang direkodkan meninggal dunia ialah 292 kes.

Data tertunggak membatikan kematian lebih awal namun hanya disahkan akibat Covid-19 selepas bedah siasat dijalankan sebelum data dimasukkan ke statistik kebangsaan.

Daripada jumlah kes kematian yang dinyatakan itu, terdapat 106 ke kematian di luar fasiliti kesihatan (BID) yang

### Sabah rekod kematian tertinggi kelmarin

Kota Kinabalu Sabah mencatatkan 84 kematian akibat Covid-19 kelmarin iaitu rekod harian tertinggi sejak ia merebak ke negeri itu. Jumlah itu meningkat sebanyak 31 kes berbanding 53 kes yang dilaporkan pada Sabtu selain jauh melepasi catatan tertinggi sebelum ini iaitu 55 kes kematian yang direkodkan pada 4 September lalu.

Jurucakap perkembangan harian Covid-19 Sabah, Datuk Masidi Manjun, berkata daripada jumlah kematian pada Ahad itu, daerah Kota Kinabalu mencatat kes terbanyak dengan 18 kes diikuti Sandakan sebanyak 14 kes.

"Selebihnya, sebanyak 10 kes kematian

menjadikan jumlah keseluruhan 3,782 kes meninggal dunia sebelum bantuan perubahan dapat diberikan.

Secara keseluruhannya Sabah menjadi negeri tertinggi melaporkan kes kematian kelmarin termasuk jumlah

tertunggak iaitu sejumlah 84 kes, disusuli Lembah Klang dengan 63 kes membatikan Selangor (45) dan Kuala Lumpur (18).

Turut mencatatkan kes kematian ialah, Kedah dengan 36 kes, Negeri Sembilan (29),

dilaporkan di Kota Belud diikuti sembilan kes di Penampang dan tujuh kes di Tawau.

"Selain itu, masing-masing empat kes direkodkan di Lahad Datu, Kota Marudu dan Pitas, diikuti tiga kes di Tuaran, masing-masing dua kes di Keningau, Putatan, Papar dan Tenom, manakala Semporna, Kunak dan Nabawan masing-masing mencatat satu kes kematian," katanya.

Secara kumulatif, sehingga kini Sabah mencatat sebanyak 1,674 kes kematian akibat Covid-19 atau mewakili 0.96 peratus daripada keseluruhan kes positif yang direkodkan setakat ini.

masing-masing 16 kes kematian dilaporkan di Johor dan Pulau Pinang, Kelantan (13), Perak (11), Sarawak (sembilan), Pahang (tujuh), Terengganu (empat) dan masing-masing dua kes di Melaka dan Perlis.

Hanya dua wilayah iaitu Labuan dan Putrajaya tidak melaporkan sebarang pertambahan kes kematian kelmarin.

Dalam pada itu, bagi kes aktif dengan kebolehhajjatan Covid-19 di negara ini, data berkenaan memaklumkan sehingga jam 11.59 malam kelmarin, terdapat 237,277 kes dengan sebanyak 197,225 kes (83.1 peratus) masih menjalani kuarantin di rumah.

Selain itu pesakit yang dirawat di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Bersepadu (PKRC) adalah 25,635 kes (10.8 peratus); hospital (13,079) unit rawatan rapi (ICU) yang memerlukan alat bantuan pernafasan (721) dan ICU dan tidak memerlukan alat bantuan pernafasan (617).

Sebelum ini, Ketua Data, Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis Negara (CPRC) KKM, Dr Mahesh Appannan dilaporkan berkata, terdapat perbezaan antara ke-

matian dilaporkan dan kematian sebenar seperti yang terdapat dalam data COVID-NOW.

Katanya, kematian dilaporkan adalah merujuk kepada hari kes diumumkan kepada orang ramai, manakala kematian sebenar pula merujuk kepada tarikh sebenar kematian berlaku.

"Ini berikutan situasi Covid-19 yang dinamik dan di negara ini, KKM melaporkan kematian 'disebabkan oleh' Covid-19 dan bukannya kematian 'dengan' Covid-19.

"Kematian disebabkan Covid-19 bermaksud penyelidikan klinikal yang mendapati penyebab kematian (CoD) seseorang adalah kerana Covid-19. Bagaimanapun meninggal dunia dengan Covid-19 pula adalah pesakit didapati positif Covid-19 pada ketika kematiannya atau tempoh yang singkat sebelum itu," katanya dipetik.

## Perak benar walk-in terima vaksin

Ipoh: Penduduk berusia 18 tahun ke atas yang belum menerima janji temu suntikan vaksin di negeri ini boleh mendapatkan vaksinasi secara jumpa terus atau walk-in di semua Pusat Pemberian Vaksin (PPV) awam negeri bermula semalam.

Perkara itu disahkan melalui poster dikongsikan di Facebook (FB) rasmi Jabatan Kesihatan Negeri Perak melalui hantaran yang dimuat naik malam kelmarin.

Menerusi poster itu, bebe-

rapa syarat ditetapkan bagi mereka yang mahu mendapat vaksinasi antaranya berusia 18 tahun ke atas selain belum menerima janji temu di MySejahtera.

Katanya, selain warganegara, pemberian vaksin secara jumpa terus turut terbuka kepada individu bukan warganegara sama ada yang mempunyai dokumen mahupun sebaliknya.

Sementara itu, melalui satu poster berasingan yang dikongsikan di Facebook milik

Exco Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Perak, Mohd Akmal Kamarudin, dimaklumkan ada beberapa perkara tambahan lain dinyatakan bagi pengambilan vaksin secara jumpa terus di PPV Stadium Indera Mulia di sini dan PPV Dewan Bandar Kinta di Batu Gajah bermula semalam.

Menerusi poster itu, vaksinasi jumpa terus individu berusia 18 tahun ke atas di dua PPV itu diutamakan kepada ibu mengandung.

## Jangkitan pekerja industri menurun

Seremban: Jangkitan Covid-19 di premis perindustrian di Negeri Sembilan semakin berkurangan hasil kejayaan program pemberian vaksin kepada pekerja industri.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelaburan, Perindustrian, Keusahawanan, Pendidikan dan Modal Insan negeri Datuk Dr Mohamad Rafie

Ab Malek berkata pematuhan pekerja industri terhadap prosedur operasi standard (SOP) juga didapati sudah mengurangkan jangkitan wabak itu.

"Seramai 61,105 pekerja sektor industri di negeri ini sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin Covid-19 melalui pusat pemberian vaksin Program

Imunisasi Industri Covid-19 Awam-Swasta (Pikas) yang dibuka di negeri ini," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata daripada jumlah itu, seramai 53,961 individu melengkapkan dos kedua vaksinasi di PPV Pikas d'Tempat Country Club, Senayan dan PPV Pikas D'cattleya, Senawang.

Kelmarin, sebanyak 283 kes Covid-19 dilaporkan di negeri ini menjadikan jumlah keseluruhan 94,467 kes setakat ini.

Pematuhan SOP didapati sudah mengurangkan jangkitan Covid-19



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

## Sarawak kekal kes tertinggi

**Kuala Lumpur:** Angka penurunan kian melegakan apabila sebanyak 16,073 kes baharu Covid-19 dilaporkan di seluruh negara setakat 12 tengah hari semalam berbanding 19,198 kes jangkitan dicatatkan kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi hantaran di Twitter dan Facebook memaklumkan perkembangan baharu itu menjadikan jumlah keseluruhan kes di negara ini menghampiri angka dua juta berikutan 1,995,771 kes dilaporkan.

Sementara itu, Sarawak kekal merekodkan kes harian tertinggi sejak minggu lalu dengan 3,522 kes dilaporkan semalam namun menunjukkan penurunan berbanding 5,291

kes kelmarin.

Johor pula mencatat kes harian kedua tertinggi dengan 2,030 kes, diikuti Selangor (1,947 kes); Sabah (1,649 kes); Pulau Pinang (1,243 kes); Kedah (1,191 kes); Kelantan (1,070 kes) dan Perak (1,011 kes).

Negeri yang merekodkan kes harian baharu di bawah empat

empat angka adalah Pahang (878); Terengganu (704); Kuala Lumpur (398); Melaka (206); Negeri Sembilan (156); Perlis (41); Putrajaya (16) dan Labuan (11).

Dr Noor Hisham turut

memaklumkan penggunaan katil di unit rawatan rapi (ICU) hospital Covid-19 di seluruh negara setakat kelmarin adalah 83 peratus bersamaan 1,293 katil.

Manakala penggunaan katil bukan ICU adalah 75 peratus (13,026 katil) daripada 17,370 katil.



## JKNPP tak paksa pesakit masuk ICU

**Georgetown:** Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) menafikan dakwaan seorang lelaki yang mengatakan dipaksa mendapatkan rawatan Covid-19 sehingga dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Pulau Pinang (HPP) di sini.

Tampil memberikan penjelasan, Pengarah JKNPP Dr Ma'arof Sudin berkata, pesakit dikenali sebagai Affendy Mohd Yusof berusia 43 tahun itu dimasukkan ke wad ICU HPP selepas disahkan positif Covid-19 kategori empat.

Beliau berkata, pemeriksaan awal menunjukkan penurunan tahap oksigen dalam darah pesakit itu sangat rendah membimbangkan.

"Rawatan terapi oksigen dimulakan namun pemeriksaan lanjut mendapati pesakit semakin kritikal sehingga kadar oksigen dalam darah hanya dapat distabilkan dengan menggunakan mesin bantuan pernafasan atau ventilator.

"Pegawai perubatan pakar rawatan rapi dan ICU memaklumkan keadaan kritikal ini kepada pesakit serta ahli keluarganya, selain berulang kali menjelaskan risiko yang boleh membahayakan tubuh dan nyawa pesakit sekiranya tidak membenarkan hospital memberikan rawatan terbabit," katanya dalam kenyataan, semalam.

Bagaimanapun, beliau berkata, pesakit masih tidak bersetuju dengan rawatan yang disyorkan dan memohon supaya dibenarkan pulang atas risiko sendiri.

"Pihak hospital masih me-

letakkan pesakit di ICU untuk pemantauan walaupun pesakit enggan menerima rawatan terapi oksigen dan alat bantuan pernafasan memandangkan keadaan pesakit masih kritikal serta berisiko menyebarkan Covid-19 kepada individu lain sekiranya dibenarkan pulang," katanya.

Dalam pada itu, Dr Ma'arof berkata, pihak hospital juga menafikan pesakit tidak diberi makanan ketika di ICU.

"Untuk makluman pesakit di ICU diberi makanan berbentuk cecair seperti susu bagi memudahkan proses penghadaman dan mengelakkan komplikasi.

"Pihak hospital sentiasa prihatin dan akan meneruskan pemantauan terhadap pesakit terbabit serta memberi maklum balas berkala kepada keluarga pesakit," katanya.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

## Kes di Selangor terus menurun

**PETALING JAYA** – Harapan seluruh rakyat negara ini kembali menjalani kehidupan lebih baik dilihat semakin hampir selepas Malaysia terus mencatatkan penurunan kes Covid-19 dengan angka sebanyak 16,073 semalam.

Lebih menggembirakan, angka positif kes Covid-19 dilaporkan di Selangor turut mencipta rekod baharu apabila berada pada paras 1,947 kes sehari berbanding purata jangkitan melebihi 5,000 kes sebelum ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kes Covid-19 di tujuh negeri turut mencatatkan jangkitan bawah 1,000 sehari selain hanya enam negeri sahaja melebihi 1,000 angka positif.

"Antara negeri mencatatkan kes bawah 1,000 ialah Kuala Lumpur (398), Negeri Sembilan (156), Melaka (206), Pahang (878), Terengganu (704), Labuan (11), Putrajaya (16) dan Perlis (41).

"Negeri yang mencatatkan kes melebihi 1,000 kes sehari pula ialah Selangor (1,947), Sabah (1,649), Kedah (1,191), Pulau Pinang (1,243), Kelantan (1,070) dan Perak (1,011)," katanya menerusi kenyataan di laman Facebook rasminya semalam.

Jumlah kes kematian turut



**SEORANG** pengunjung melakukan aksi balik kuang dari *banana bot* di Pantai peranginan Teluk Kemang, Port Dickson semalam. – MOHD SHAHJEHAN MAAMIN

mencatatkan penurunan kepada 99 kes semalam.

Bagaimanapun, dua negeri iaitu Johor dan Sarawak masih lagi mencatatkan angka jangkitan melebihi 2,000 sehari dengan masing-masing merekodkan sebanyak 2,030 dan 3,522 kes.

Penurunan kes secara drastik di beberapa negeri termasuk di Selangor turut menterjemahkan kejayaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan selepas hampir 38 juta suntikan dos vaksin diberikan setakat ini.

"Kawasan Lembah Klang mencatatkan sebanyak 74.1

peratus individu lengkap divaksin, manakala hampir 83.1 peratus penduduk telah menerima sekurang-kurangnya satu dos.

"Dalam pada itu, sebanyak 17.1 juta penduduk Malaysia telah menerima dua dos suntikan vaksin, manakala 21.3 juta lagi telah mendapat sekurang-kurangnya satu dos," katanya.

Dalam perkembangan lain, penggunaan katil bukan unit rawatan rapi di beberapa negeri turut berada pada paras bawah 60 peratus sekali gus menggambarkan situasi stabil di hospital terlibat.

## Pesakit dakwa 'dipaksa' ke ICU sudah kritikal

**GEORGE TOWN** – Seorang pesakit Covid-19 yang mendakwa dirinya 'diculik' dan 'dipaksa' berada di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Pulau Pinang (HPP) di sini disahkan masih menjalani rawatan di situ memandangkan keadaannya yang kritikal dan berisiko menyebarkan virus itu sekiranya dibenarkan pulang.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), Dr. Ma'arof Sudin berkata, pesakit itu telah dimasukkan ke wad ICU selepas disahkan mengalami Covid-19 tahap empat.

"Pemeriksaan awal menunjukkan pesakit mengalami penurunan tahap oksigen yang sangat membimbangkan dan rawatan terapi oksigen telah dimulakan.

"Keadaan pesakit semakin kritikal sehingga kadar oksigen dalam darah hanya boleh distabilkan dengan menggunakan mesin bantuan pernafasan iaitu ventilator," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Terdahulu, tular di media sosial sejak kelmarin mengenai seorang pesakit Covid-19 di ICU HPP yang mendakwa dirinya

diculik dan dipaksa menjalani rawatan di wad ICU hospital berkenaan walaupun keadaan kesihatannya stabil.

Ujarnya, pegawai perubatan pakar perubatan rapi dan ICU telah memaklumkan kepada pesakit serta ahli keluarganya keadaan pesakit yang berada pada tahap kritikal.

"Pihak hospital juga telah berulang kali menjelaskan kepada pesakit serta ahli keluarga mengenai risiko yang boleh membahayakan dirinya sekiranya dia tidak membenarkan rawatan dijalankan.

"Namun pesakit masih tidak bersetuju dengan rawatan yang disyorkan dan memohon untuk dibenarkan pulang atas risiko sendiri," katanya.

Tambahnya, pihak hospital masih memantau dan menempatkan pesakit di ICU walaupun dia enggan terima rawatan terapi oksigen dan alat bantuan pernafasan memandangkan keadaannya yang kritikal.

Katanya, HPP menafikan tidak memberi makan kepada pesakit sebaliknya dia diberikan susu khas melalui tiub.



AKHBAR : SINAR HARIAN  
 MUKA SURAT : 9  
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

# Penyedut oksigen: Kerajaan perlu tetapkan satu garis panduan

Mengenai penjualan dan penggunaan penyedut oksigen mudah alih supaya tidak menimbulkan risiko tertentu

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN

SHAH ALAM

Laporan muka depan Sinar Harian pada Isnin.

**K**erajaan perlu menetapkan satu garis panduan mengenai penjualan dan penggunaan penyedut oksigen mudah alih yang berada di pasaran supaya tidak

menimbulkan risiko-risiko tertentu.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman berkata, semua peralatan perlu m e n d a p a t k a n kelulusan daripada

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terlebih dahulu supaya dapat memastikan keselamatan dan kualiti produk berkenaan terjamin.

"Peralatan seperti ini (penyedut oksigen mudah alih) melibatkan penggunaan menyedut dan mungkin boleh menimbulkan risiko.

"KKM perlu mengeluarkan satu garis panduan jika peralatan



MOHD YUSOF

itu perlu mendapatkan kelulusan sebelum dijual di pasaran.

"Ia perlu melalui proses pemeriksaan makmal untuk menguji keselamatan peralatan tersebut dan juga manual untuk pengguna supaya tidak disalahgunakan."

katanya kepada Sinar Harian pada Isnin.

Mengulas lanjut, Mohd Yusof turut menyarankan orang ramai supaya mendapatkan khidmat nasihat daripada pakar tentang penggunaan produk tambahan oksigen terutamanya bagi yang membeli secara dalam talian.

"Sekarang ini banyak orang suka membeli melalui dalam



Kerajaan perlu menetapkan satu garis panduan mengenai penjualan dan penggunaan penyedut oksigen mudah alih yang berada di pasaran.

talian sebab harganya murah tetapi kadang-kadang kita tidak tahu keselamatannya.

"Penyedut oksigen ini kalau kita tak tahu dari segi penggunaannya mungkin akan memberi kesan sampingan lain yang lebih buruk," ujarnya.



**AKHBAR : SINAR HARIAN**  
**MUKA SURAT : 10**  
**RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT**

**16,073 positif Covid-19,  
 lebih 24,000 pesakit sembuh**

**PUTRAJAYA** - Angka baharu positif Covid-19 merekodkan penurunan dengan 16,073 kes dilaporkan pada Isnin.

Sarawak melaporkan 3,522 kes, diikuti Johor (2,030), Selangor (1,947), Sabah (1,649), Pulau Pinang (1,243), Kelantan (1,070) dan Perak (1,011).

Pahang pula mencatatkan 878 kes, Terengganu (704), Kuala Lumpur (398), Melaka (206), Negeri Sembilan (156), Perlis (41), Putrajaya (16) dan Labuan (11).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah harian yang dilaporkan, terdapat 233 kes adalah kategori tiga hingga lima.

"Bakinya, 15,840 kes adalah

terdiri daripada kategori satu dan dua," katanya.

Menurutnya, pertambahan itu menjadikan jumlah kumulatif kes positif ialah 1,995,771.

"Sebanyak 1,312 kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan 698 pesakit memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Beliau berkata, terdapat 24,813 kes sembuh dilaporkan, menjadikan jumlah kumulatif 1,746,526 kes.

"Terdapat 32 kluster baharu dicatatkan membabitkan 16 kluster tempat kerja dan 14 kluster komuniti di seluruh negara.

"Selain itu, masing-masing satu kluster pendidikan tinggi dan kumpulan berisiko tinggi turut dikesan," katanya.

**Waspada penyebaran varian Mu**

**SHAH ALAM** - Kerajaan diminta berwaspada terhadap varian baharu Covid-19 dikenali sebagai Mu dengan memberi perhatian terhadap perkembangan penyebaran virus itu.

Presiden Parti Gerakan Rakyat Malaysia, Datuk Dr Dominic Lau Hoe Chai berkata, varian Mu tidak boleh dibiarkan memusnahkan usaha negara dalam memerangi wabak itu.

Menurutnya, data Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 6 September melaporkan, varian Mu telah ditemui di 46

negara termasuk Asia iaitu Hong Kong, Korea Selatan dan Jepun.


"Negara mesti mengambil langkah pencegahan berdasarkan cadangan pakar epidemiologi dan menggunakan pendapat dan maklumat dari negara lain untuk membuat penyesuaian tepat," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Dominic berkata demikian mengulas laporan media baharu ini yang mengatakan varian Mu dan Lambda disyaki telah muncul di Labuan, Sabah.

**SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA**

**KADAR PENGGUNAAN ALAT BANTUAN PERNAFASAN, ICU, KATIL HOSPITAL COVID-19 DAN PUSAT KUARANTIN**  
 Dikemaskini 12 September 2021, 11.59 malam

NEGERI	Alat Bantuan Pernafasan (%)	ICU (%)	Katil Hospital (%)	Pusat Kuarantin (%)
WP LABUAN	21.7	21.7	63.9	28.7
TERENGGANU	38.2	76.7	82.4	63.8
LEMBAH KLANG	29.9	82.5	51.9	68.4
SARAWAK	23.2	68.8	66.0	69.2
SABAH	46.1	77.3	71.6	84.2
PERLIS	44.8	52.6	100.6	41.0
PERAK	48.4	93.3	82.2	62.4
PULAU PINANG	52.2	101.8	67.3	40.7
PAHANG	55.9	90.0	66.2	88.0
NEGERI SEMBILAN	31.3	45.5	60.4	18.4
MELAKA	39.1	62.1	78.6	57.2
KELANTAN	42.1	103.8	79.7	70.3
KEDAH	51.6	125.2	87.1	59.1
JOHOR	42.1	91.1	96.0	77.8
MALAYSIA	37.9	83.9	71.9	66.1



\*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 12 September 2021

**JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI**

JUMLAH KESELURUHAN	1,995,771	PULIH:	1,746,526	ICU:	1,312	KEMATIAN:	20,711	KES BAHARU	16,073	SUDAH DIVAKSIN	38,488,051
--------------------	-----------	--------	-----------	------	-------	-----------	--------	------------	--------	----------------	------------



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

## Trend pendermaan darah meningkat, stok mencukupi

**KUALA LUMPUR** - Trend pendermaan darah mencatat peningkatan yang baik sejak akhir-akhir ini dan membantu memastikan stok simpanan dan bekalannya sentiasa mencukupi, kata Pengarah Pusat Darah Negara (PDN), Dr Noryati Abu Amin.

Beliau berkata, peningkatan trend positif itu disebabkan penderma-penderma darah prihatin yang tampil secara konsisten bagi membantu pesakit memerlukan.

"Trend peningkatan pendermaan darah ini akan memastikan PDN dan tabung-tabung darah mempunyai stok simpanan darah yang mencukupi bagi kegunaan pesakit serta membantu bekalan darah di negeri mengalami peningkatan kes Covid-19," katanya dalam satu kenyataan di Facebook rasmi PDN pada Isnin.

Beliau berkata demikian bagi menjawab hantaran yang tular di aplikasi WhatsApp berkenaan bekalan darah hospital yang didakwa berkurangan dan makin kritikal baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Noryati berkata, terdapat juga pesakit Covid-19 terutamanya mereka yang mempunyai latar bela-



Trend peningkatan pendermaan darah akan memastikan PDN dan tabung-tabung darah mempunyai stok simpanan darah yang mencukupi bagi kegunaan pesakit.

kang penyakit kronik turut memerlukan transfusi darah.

Sementara itu, beliau berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut mengeluarkan garis panduan pencegahan dan kawalan semasa aktiviti pendermaan darah bagi mengekang penularan jangkitan penyakit berjangkit Covid-19.

Beliau berkata, garis panduan itu mengandungi pelbagai langkah keselamatan selepas aktiviti pendermaan darah bagi memastikan kesejahteraan serta keselamatan penderma darah, penganjur kempen derma

darah, petugas kesihatan dan pesakit yang menerima transfusi darah.

"Garis panduan ini juga menetapkan tempoh penangguhan sementara bagi aktiviti pendermaan darah untuk individu selepas pengambilan vaksin Covid-19 dan ia selari dengan saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Tempoh penangguhan ini adalah berdasarkan prinsip berjaga-jaga bagi melindungi kesihatan penderma dan pesakit yang menerima darah," katanya. - Bernama



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 28

RUANGAN : SINAR NEGERI

# JKNPP tak paksa jalani rawatan di ICU

Pesakit lelaki tular dimasukkan ke ICU selepas penurunan oksigen dalam darah membimbangkan.

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN

GEORGETOWN

Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) menafikan dakwaan seorang lelaki yang positif Covid-19 tahap empat kononnya dipaksa menjalani rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Pulau Pinang (HPP) di sini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Dr Ma'arof Sudin berkata, pesakit berusia 43 tahun itu dimasukkan ke ICU HPP

selepas disahkan positif Covid-19 dan pemeriksaan awal menunjukkan penurunan tahap oksigen dalam darah yang sangat membimbangkan.

Berikutan itu jelasnya, rawatan terapi oksigen telah dimulakan dan pemeriksaan lanjut mendapati pesakit itu semakin kritikal sehingga kadar oksigen dalam darah hanya dapat distabilkan dengan menggunakan alat bantuan pernafasan iaitu ventilator.

"Pegawai perubatan ICU HPP telah memaklumkan tentang keadaan kritikal pesakit kepada ahli keluarganya dan telah menjelaskan berulang kali kepada pesakit serta ahli keluarga tentang risiko yang boleh membahayakan tubuh dan nyawa pesakit sekiranya tidak membenarkan hospital memberikan rawatan tersebut.

"Bagaimanapun pesakit masih tidak bersetuju dengan rawatan yang disyorkan dan telah memohon agar dibenarkan pulang atas risiko sendiri," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Isnin.

Dr Ma'arof berkata, pihak hospital tidak membenarkan lelaki itu untuk pulang kerana bimbang risiko menyebarkan penyakit itu kepada individu lain.

Katanya, pesakit berkenaan masih ditempatkan di ICU untuk pemantauan walaupun lelaki itu enggan menerima rawatan terapi oksigen dan alat bantuan pernafasan ventilator berikutan keadaan pesakit yang masih kritikal.

Beliau turut menafikan dakwaan kononnya pihak hospital tidak memberikan makanan kepada pesakit berkenaan semasa menerima rawatan di ICU.

Menjelaskan mengenai perkara itu, Dr Ma'arof berkata, pesakit di ICU telah diberi makanan berbentuk cecair seperti susu bagi memudahkan proses penghadaman selain mengelakkan komplikasi.

Katanya, pihak hospital sentiasa prihatin dan akan meneruskan pemantauan terhadap pesakit berkenaan serta sentiasa memberikan maklum balas berkala kepada keluarganya.

Sebelum ini tular di laman sosial kenyataan dan video perbualan telefon pesakit berkenaan dikenali Affendy Mohd Yusof selepas dia dikatakan enggan menerima rawatan alat bantuan pernafasan kerana berada dalam keadaan sihat.

Lelaki itu turut mendakwa keadaan dirinya menjadi lebih teruk dan lemah sekiranya menggunakan alat bantuan berkenaan selain mahu mana-mana pihak membawanya keluar dari ICU HPP.

MEDEPANI KRISIS  
COVID-19:  
APA TINDAKAN  
KITA?



Rakaman perbualan telefon pesakit yang tular di laman sosial.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION/NEWS

FIRST TIME IN 2 MONTHS

# RESPITE AS VIRUS DEATHS DIP BELOW 100

Nationwide figure also shows a downward trend, with Sabah having the most fatalities

HANA NAZ HARUN  
AND NOR AIN MOHAMED RADHI  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**T**HE number of Covid-19 deaths in the country has dipped below 100 for the first time in over two months, with 99 deaths registered in the last 24 hours.

Data from the Health Ministry via its CovidNow portal also showed that there were 193 backlogged death reports, bringing the cumulative reported deaths to 292.

The last time the country recorded two-digit deaths was on July 6, also at 99.

Nationwide, the number of deaths showed a downward trend. Sabah recorded the highest seven-day average of daily actual deaths of 15.

The state also saw the most number of backlogged death reports with 84 fatalities.

In comparison, states that had previously logged high fatalities, such as Selangor and Kuala Lumpur, had a seven-day average of seven and three deaths, respectively.

However, over the past two weeks, the death rate per 100,000 people was highest in Penang at 16.5, followed by Johor at 11.6. After Johor were Sabah and Kedah at 9.5 and 9.2, respectively.

The ministry also reported 106 brought-in-dead cases yesterday, an increase from 88 the day before.

Cumulatively, 20,711 deaths had been reported since the pandemic hit the country last year.

Malaysia reported a decline in new Covid-19 cases up to noon yesterday with 16,073 infections, taking the national tally to 1,995,771. The country had 19,198 new cases the day before.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said Sarawak again topped the list in the last 24 hours with 3,522 new cases, followed by Johor with 2,030 cases.

Selangor reported a dip in new



cases at 1,947 compared with Sunday's 2,347.

Sabah recorded 1,649 new cases, followed by Penang (1,243), Kedah (1,191), Kelantan (1,070) and Perak (1,011).

"Pahang reported 878 new cases, Terengganu (704), Kuala Lumpur (398), Melaka (206) and Negri Sembilan (156).

"Perlis, Labuan and Putrajaya reported 41, 11 and 16 new cases, respectively," he said in a Twitter post.

Meanwhile, Kelantan, Kedah and Penang, reported more than 100 per cent bed occupancy at its Intensive Care Unit (ICU) used to treat Covid-19 patients.

In Kelantan, ICU bed usage stood at 168 per cent (85 beds used), Kedah at 120 per cent (104 beds used) and Penang at 103 per cent (73 beds used).

Dr Noor Hisham said the bed occupancy rate at ICU wards treating Covid-19 patients in the country currently stood at 83 per cent or 1,558 beds used.

In Johor, the ICU bed usage was at 95 per cent (120 beds used), while in Perak, it was at 93 per cent (114 beds used).

This was followed by 85 per cent in Pahang (66 beds used) and Sabah (150 beds used), 82 per cent in Selangor (297 beds used) and 73 per cent in Sarawak (120 beds used).

In Melaka, it was 66 per cent (90 beds used), Terengganu at 64 per cent (39 beds used), Kuala Lumpur at 60 per cent (169 beds used), Perlis at 55 per cent (11 beds used), Putrajaya at 36 per cent (14 beds used), Negri Sembilan at 25 per cent (88 beds used) and Labuan at zero per cent.

Ventilator usage was the highest in Pahang with 37 cases (55.9



People enjoying outings at the beach in Morib, Selangor, on Sunday. Malaysia recorded a decline in new Covid-19 cases up to noon yesterday with 16,073 infections. PIC BY EFFENDY RASHID



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY



Seberang Prai Utara district Health personnel burying a Covid-19 victim in Tasek Gelugor, Penang, on Sunday. PIC BY DANIAL SAAD

per cent utilised), followed by 45 cases in Penang (52.2 per cent utilised) and 41 cases in Kedah (51.6 per cent utilised).

To date, 721 patients in the ICU were being ventilated, while 617 in the ICU did not require ventilator assistance.

Dr Noor Hisham said for non-cases in Penang (52.2 per cent utilised) and 41 cases in Kedah (51.6 per cent utilised).

Johor was the only state with more than 100 per cent utilisation, with 103 per cent or 2,538 beds used.

Dr Noor Hisham said 52.6 per cent of the country's population (or 17,177,911 individuals) had completed their Covid-19 vaccination, while 21,372,276 individuals, or 65.4 per cent, had received at least one dose of the vaccine as of yesterday.

## Ministers to meet today on strategies for easing S.O.P.

**KUALA LUMPUR:** The four ministers who have been assigned to finalise the strategies for adjustment and relaxation of standard operating procedures (SOP) to curb Covid-19 infections in preparation for the country's transition to the endemic stage are scheduled to meet today.

The meeting, to be chaired by Senior Defence Minister Datuk Seri Hishammuddin Hussein, will highlight four key agendas, including inclusive action on the issue as stated previously by Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

The other three ministers are Health Minister Khairy Jamaluddin, Finance Minister Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz and Communications and Multimedia Minister Tan Sri Annuar Musa.

Hishammuddin said the meeting will analyse the outcome of previous SOP relaxations, as well how existing ones may be simplified and understood by the public.

He said this will require input from all ministers. Annuar, meanwhile, will disseminate the information to the public once it is finalised.

"In relation to interstate travel, certain sectors have already in principle been given the go-ahead on condition that the four

ministers study the matter first.

"This also involves the 'travel and tourism bubble', such as the Langkawi pilot project. If it proceeds smoothly and safely with all SOP adhered to, it can be expanded further.

"This may also include other sectors if necessary.

"The fourth agenda is the goal of having the pandemic ease into an endemic stage by October and how we can live with Covid-19. These must be discussed from now," he said here yesterday.

Present were Deputy Defence Minister Datuk Seri Ikmal Hisham Abdul Aziz and Defence Ministry secretary-general Datuk Seri Muez Abd Aziz.

On Sept 2, Ismail Sabri said the Health Ministry had been ordered to prepare a new suitable pandemic and endemic strategy.

The Special Committee on Pandemic Management meeting chaired by the prime minister had also decided that Hishammuddin would lead the country's pandemic management efforts under the National Security Council with Tengku Zafrul, Khairy and Annuar.

Khairy had said that in line with the country's transition to the endemic phase, more sectors would be reopened albeit under the new norm.



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY

# COVID PATIENT: ICU STAFF ABDUCTED ME

Penang Health director, however, says patient placed in ICU for monitoring and to prevent him from spreading virus to others

AUDREY DERMAWAN  
GEORGE TOWN  
news@nst.com.my

**S**OCCIAL media has been abuzz with an audio recording of a Covid-19 patient, seeking treatment at Penang Hospital's intensive care unit (ICU), who claimed to have been "abducted" and forcibly put in the ICU by hospital staff.

Through the recording, which went viral on Sunday night, the patient claimed he was healthy but was forced to use an oxygen mask.

The patient, who has been treated for a week, claimed that he had gone to the hospital to be tested for Covid-19, but was instead immediately admitted for treatment in the Covid-19 ward.

The patient claimed that his

friend had also faced a similar situation.

Using the hashtag, #BebaskanAffendy, a person who claimed to be the patient's friend, urged doctors at the hospital to "release" the patient from the ICU.

State Health director Dr Ma'arof Sudin said the patient was admitted to the ICU after being diagnosed as a Category Four Covid-19 patient.

He said an initial examination of the patient showed a decrease in oxygen level in his blood, which prompted the oxygen therapy treatment.

"However, upon further examination, we found that the pa-

tient's condition was critical and that his oxygen level could be stabilised only by using a ventilator.

"Medical officers informed the patient and his family members about his critical condition.

"The hospital also repeatedly explained to the patient and his family members about the risks to his body and life if they did not allow the hospital to provide treatment.

"The patient disagreed with the recommended treatment and applied to be allowed to return at his own risk."

Dr Ma'arof said the hospital continued to place the patient in the ICU for monitoring even

though he had refused to receive oxygen therapy and ventilator support for breathing as his condition was critical and he could spread Covid-19 to others if allowed to return.

He denied that the patient was not given food in the ICU.

"The patient was given liquid food, such as milk to facilitate the digestive process and avoid complications.

"We are always concerned and will continue to monitor the patient and provide feedback to his family about his condition."

He said people or patients with questions, complaints or suggestions could contact the hospital directly.

FOR ALL PATIENTS

## Penang private hospitals increasing bed capacity

**KUALA LUMPUR:** Private hospitals in Penang have increased their bed capacity to cater for Covid-19 and non-Covid-19 cases on the island and the mainland.

Association of Private Hospitals Malaysia president Datuk Dr Kuljit Singh said eight private hospitals now had 165 beds in normal wards and 22 in intensive care units (ICU) for patients willing to self-fund their Covid-19 treatment.

"These private hospitals will accept 155 non-Covid-19 decanted patients from government hospitals in stages.

"This is to enable more Covid-19 patients to receive treatment in public healthcare facilities, and it will be an initial step to augment the decanting of patients," he said yesterday.

Dr Kuljit said the number of beds might increase in the future, depending on the capacity and capability of each participating private hospital.

He said the move to increase bed capacity was in line with the request made by Health Minister Khairy Jamaluddin after he had visited the state on Sept 11 and had talks with the state government and Health Department.

"Although private hospitals in Penang have limited capacity compared with their counterparts in the Klang Valley, efforts to work with public healthcare



Datuk Dr Kuljit Singh

facilities has been enhanced over the weekend.

"We are confident that this public-private partnership in Penang will help people get their treatment as quickly as possible, as the number of Covid-19 cases has been increasing over the last few weeks.

"Based on our efforts in the Greater Klang Valley Task Force since last month, private hospitals have treated 2,917 decanted patients and the exercise is ongoing."

He said private hospitals were keen to assist the government in vaccinating teens and frontliners.

"The National Recovery Plan depends on the strategic approach of vaccination to avoid future lockdowns and closing of economic sectors."



Fishermen waiting to get vaccinated in Pasir Puteh, Kelantan, on Sept 10. BERNAMA PIC

## MAJORITY AT RAJA PEREMPUAN ZAINAB II HOSPITAL

# 15,000 Covid-19 patients in Kelantan hospitals

**KOTA BARU:** More than 15,000 Covid-19 patients are warded at hospitals in the state.

The majority of them were at Raja Perempuan Zainab II Hospital in Kota Baru with the rest at government hospitals in other districts.

The state Health Department's Facebook post stated that another 79 were warded in intensive care units in a few districts.

Up to Monday, 528 people in the state had died of Covid-19, with 13 recorded on Monday.

More than 77,000 people have since recovered up to Monday.

Kelantan recorded 279 clusters, including Kampung Pak Simpoh, Kampung Haji Saman, Kampung Dalam Rhu and Cabang Tiga Lemal.

The state recorded 1,435 cases

on Monday, bringing the cumulative figure to 93,734.

A total of 1,359 of the 1,435 cases were local infections, 71 from prisons while five were imported.

The walk-in vaccination programme, which started last week, is continuing this week.

It is learnt that Kelantan's mega centre for vaccination will open this week.



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION

## Covid-19 numbers continue downward trajectory

**PUTRAJAYA:** Malaysia's number of Covid-19 daily cases went down to 16,073 yesterday, its lowest since Aug 2.

Cases in the Klang Valley continued their downward trajectory, with Selangor reporting 1,947 infections, Kuala Lumpur reporting 398 while Putrajaya had 16.

The combined total of 2,361 cases for the Klang Valley is a huge drop from the peak in early August, when the region's daily cases reached as high as 11,000.

Sarawak is still the state with the most cases, reporting 3,522 new infections.

In his daily Covid-19 statement, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the country's cumulative total number of cases now stands at 1,995,771.

Of yesterday's 16,073 cases, 15,840 or 98.5% were mild or asymptomatic infections.

"Another 233 cases or 1.5% were Categories 3 to 5 infections," he said.

In the same 24-hour span, 24,813 patients in the country were discharged. A total of 1,756,526 people in Malaysia have recovered from Covid-19 thus far.

The Health Ministry also identified 32 new Covid-19 clusters.

The ministry's Covid-19 tracker website CovidNow showed that coronavirus death cases are on a decline, with the average number of deaths in the past seven days, up to Sept 12, at 99.

This was also on a downward trend, after the seven-day average for Covid-19 deaths was at a peak of 300 daily cases in early August.

The number of active Covid-19 cases also continued their downward trend, with 237,277 cases reported on Sunday, a reduction of more than 2,000 cases from the previous day.

Of the total active cases, 83.1% are patients with mild infections and who are undergoing home quarantine. Another 10.8% are under isolation at low-risk quarantine centres. About 5.5% are hospitalised, while another 0.6% are at an intensive care unit (ICU).

The national ICU utilisation rate is currently at 83.9%.

Three states have ICUs operating at overcapacity: Kedah (125.2%), Kelantan (101.8%) and Penang (101.8%). The Klang Valley's ICU usage rate is at 82.5%.